

04/10/1998

Tolak pemimpin moral rendah

Mohamed Sahidi Yusof

JELI: Pergerakan Wanita Umno tidak akan bertolak ansur dengan pemimpin yang bermoral rendah kerana ia boleh mendorong ke arah kelunturan nilai murni dalam institusi kekeluargaan dan masyarakat.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata perbuatan tidak bermoral perlu diketepikan selaras resam masyarakat Timur yang bertanggungjawab mendokong nilai murni.

Beliau berkata, pemimpin perlu menjadikan sifat moral tinggi sebagai amalan selaras konsep gaya hidup sihat dan selamat.

"Sebagai ahli Umno, kita tidak boleh mempamerkan moral rendah kerana ia tidak menguntungkan mana-mana pihak, terutama parti.

"Sebaliknya, apa yang perlu didokong ahli Umno ialah pendirian dan pegangan yang berasaskan agama dan moral yang tinggi," katanya selepas merasmikan sambutan Hari Wanita Wilayah Jeli di pekarangan Sekolah Kebangsaan Jeli (2), di sini, semalam.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pergau, Aziz Derasid; Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar), Othman Mohammad; dan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Dr Yao Sik Chi.

Dr Siti Zaharah diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam yang menyifatkan ilmu tanpa moral adalah tidak berguna.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Kesihatan, bersetuju jika aspek moral diberi lebih penekanan melalui proses orientasi daripada peringkat awal.

Menurutnya, proses itu dengan sendirinya akan menjadi asas kukuh ke arah pembentukan nilai dan norma yang baik kepada generasi masa depan.

Mengenai gerakan penerangan oleh Pergerakan Wanita Umno, beliau berkata, ia dibuat dalam kumpulan kecil setakat ini, menerusi saluran biro penerangan di bahagian masing-masing.

Beliau berkata, laporan yang diterima tidak menunjukkan sebarang masalah dalam gerakan atau perkara yang bercanggah dengan keputusan pucuk pimpinan parti.

"Kita juga akan menggunakan beberapa pendekatan bertujuan meningkatkan kefahaman ahli Umno berhubung isu bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dapat dijelaskan dengan terperinci," katanya.

(END)